



Dua program diploma IIC diperkenal di Indonesia

Gombak: Kolej Islam Antarabangsa (IIC) melakar sejarah di peringkat antarabangsa apabila dua program diploma iaitu Diploma Pentadbiran Perniagaan dan Diploma Perakaunan akan diperkenalkan di beberapa sekolah kendalian Yayasan Fajar Hidayah di Indonesia, Februari tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif IIC, Shamsul Kahar Haron berkata, dua program diploma itu menjadi keutamaan Yayasan Fajar

Hidayah selepas mencapai kesepakatan melalui kerjasama akademik di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, Yayasan Fajar Hidayah mengendalikan empat sekolah di wilayah Indonesia.

Katanya, IIC akan mempercepatkan persiapan dan pelaksanaannya supaya dua program itu dapat dijalankan secara terancang dan mengikut jadual ditetapkan.

Keputusan kerjasama akademik di Indonesia itu dicapai hasil perbincangan IIC dengan Pengasas Yayasan Fajar Hidayah, Ibu Dragasari Rangkuti dan pengurusnya, Mirdas Eka Yora di Kolej Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam perbincangan berkenaan, IIC diketuai Shamsul Kahar (Ketua Pegawai Eksekutif); Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (akademik) Ak-

ma Farizan; Pengarah Jabatan Pemasaran, Alkmar Nazrul Alias; Pengarah Jabatan Pengurusan Akademik, Hafiz Ahmed Patwari dan Pengurus Pemasaran, Nazarudin Salleh.

Shamsul berkata, kerjasama di luar negara adalah Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam usaha kami memperkenalkan IIC dan seterusnya menjalinkan kerjasama akademik dengan negara jiran terdekat.